

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash



TELUR MANA TELUR?

Nor Hamiza Binti Mohd Ghani
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Terengganu.

Telur merupakan bahan makanan yang paling banyak kegunaannya. Ia boleh divariasikan dengan pelbagai menu yang lazat sehingga menjadi kesukaan kebanyakan orang. Di Malaysia, terdapat pelbagai masakan yang sedap berasaskan telur seperti sambal telur, rendang telur, sup telur, telur rebus dan bermacam-macam lagi. Tidak hairanlah permintaan telur sentiasa meningkat setiap tahun malahan ia juga merupakan makanan asas bagi sesiapa sahaja yang mengamalkan diet telur. Di samping itu, telur juga mempunyai kandungan gizi yang lengkap dimana telur dilabelkan sebagai superfood kerana memberi manfaat kepada kesihatan manusia. Tambahan lagi, telur mempunyai sumber nutrisi yang bagus yang mengandungi vitamin A, D, B12 dan folat (Elizabeth, 2000). Banyak khasiat yang akan diperolehi jika seseorang mengamalkan makan telur antaranya adalah meningkatkan sistem imun, kandungan kolesterol yang lebih baik, mengurangkan risiko sakit jantung, menambahkan kadar tenaga dan memberi perlindungan kepada otak.

Bekalan telur yang agak berkurangan telah berlaku pada awal tahun ini. Ianya telah dilaporkan oleh media dan orang ramai melalui media sosial. Keadaan ini amat merunsingkan orang ramai memandangkan

telur adalah salah satu bahan yang amat penting dalam kehidupan. Di dada akhbar sering terbaca bahawa kebanyakan pasar raya serta kedai runcit menghadapi masalah kehabisan stok sehingga rak yang menempatkan telur ayam didapati kosong. Artikel ini akan membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan bekalan telur berkurangan di Malaysia khususnya kawasan Pantai Timur.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan bekalan telur terputus untuk seketika pada baru-baru ini. Salah satu faktor yang menyebabkan penghasilan dan pengeluaran telur ayam dalam negara berkurangan adalah disebabkan faktor cuaca. Apabila keadaan cuaca tidak menentu ianya mempengaruhi pengeluaran sektor pertanian, haiwan ternakan serta perikanan. Kejadian banjir yang berlaku di sesetengah kawasan mempengaruhi kekurangan pengeluaran telur. Ramai pengusaha ayam kerugian disebabkan oleh banjir dan menyebabkan bekalan ayam mentah serta telur ayam berkurangan di pasaran.

Tambahan lagi dengan keadaan kesihatan di negara ini yang masih dilanda wabak Covid-19 menyebabkan kekurangan pekerja dalam pengeluaran telur ayam. Suasana di tempat kerja terkini yang

mewajibkan semua pekerja mematuhi prosedur operasi standard (SOP) merupakan salah satu punca peningkatan kos di ladang ayam. Ramai pekerja asing sudah kembali ke negara masing-masing ketika pandemik ini kerana risau keadaan keluarga mereka. Oleh itu, penguasa ayam tidak mampu mencari pekerja baharu dan terpaksa membayar kadar upah yang lebih tinggi kepada pekerja sedia ada kerana bekerja lebih masa.

Selain itu, faktor yang menyebabkan bekalan telur ayam berkurangan di pasar raya serta kedai runcit adalah kerana bekalan makanan ayam yang diimport dari luar negara makin meningkat. Harga input makanan ayam seperti dedak, jagung, kacang soya mentah dan minyak sawit mentah yang meningkat menyebabkan pengusaha ayam menaikkan harga bagi mengelakkan kerugian. Keadaan ini juga mempengaruhi harga telur ayam yang juga meningkat dan telah merisaukan orang ramai.

Tambahan lagi, apabila menjelang sesuatu perayaan, permintaan bekalan telur sangat tinggi. Permintaan mendadak oleh orang ramai menyebabkan penawaran barangan ini di pasaran tidak mencukupi. Hal ini terjadi berikutan telur banyak digunakan dalam setiap masakan dan hidangan. Pembelian panik oleh orang ramai juga menyebabkan bekalan telur ayam surut secara tiba-tiba di pasaran. Kebanyakan orang ramai membeli dengan kuantiti yang banyak kerana bimbang bekalan telur akan terputus lagi.

Isu kekurangan bekalan telur ayam ini masih berlaku sehingga Mac 2022 dimana ada juga bekalan stok telur ayam tiada di rak kedai runcit dan pasar raya. Namun pihak berwajib seperti Kementerian Perdagangan Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melakukan pemantauan. Pembekal ayam dan telur dikehendaki mengemukakan stok bekalan secara

mingguan bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan itu. Kaedah ini bertujuan memudahkan alternatif dilakukan serta dapat menambah stok bekalan sekiranya berlaku pengurangan bekalan ayam dan telur.

Rujukan:

Baharum, B. (2022, Februari 5). Perlu kemuka stok bekalan ayam telur secara mingguan- KPDNHEP. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/919180/perlu-kemuka-stok-bekalan-ayam-telur-secara-mingguan-kpdnhep>.

Bernama. (2022, Februari 5). Telur ayam berkurangan bekalan dijangka selesai dalam masa terdekat. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/telur-ayam-kekurangan-bekalan-dijangka-selesai-dalam-masa-terdekat-345257>

Elizabeth A., (2013). Introduction: Nutritional and functional roles of eggs in the diet: Journal of the American College of Nutrition.

Ilah H. A. (2021, April 20). Kos makanan ayam meningkat sehingga 50 peratus. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/808846/kos-makanan-ayam-meningkat-sehingga-50-peratus>

Ruwaida M. Z. (2022, Januari 27). Cuaca anatar punca pengeluaran telur ayam berkurangan. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/01/804307/cuaca-antara-punca-pengeluaran-telur-ayam-berkurangan>



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com